

SIARAN AKHBAR

21 September 2010

Embargo: 24 September 2010 : 12.00pm

TIMBALAN PERDANA MENTERI LANCAR PROGRAM 'CYBERSAFE IN SCHOOLS'

Program iniisiatif CyberSecurity Malaysia diadakan untuk memupuk nilai serta tatalaku penggunaan internet secara selamat di kalangan pelajar sekolah di seluruh Negara

Kota Marudu (21 September) – Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri melancarkan program **CyberSAFE in Schools** sempena program Innovation@School anjuran bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Pelajaran. Pelancaran program ini telah mengorak satu lagi langkah Kerajaan di dalam mengukuhkan prasarana keselamatan siber Negara dengan fokus kepada bidang pendidikan sejajar dengan pertambahan penggunaan Internet selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Negara ini.

Program CyberSAFE atau **Cyber Security Awareness For Everyone** adalah merupakan satu inisiatif yang diterajui oleh MOSTI dan dilaksanakan oleh agensinya, Cybersecurity Malaysia. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya pengguna Internet mengenai pelbagai isu berkaitan keselamatan siber terutama bahaya-bahaya serta ancaman-ancaman yang dihadapi oleh pengguna Internet sewaktu melayari Internet. Antara isu-isu berkaitan keselamatan siber meliputi tatalaku berkawan dan bersempang dalam talian, perbankan dan pembelian secara selamat melalui Internet, penipuan siber, kecurian identiti, hendap siber, pembulian siber dan gangguan dalam talian. CyberSAFE turut menekankan cara melindungi komputer dari jangkitan malware (virus), pengurusan emel serta cara melindungi maklumat peribadi di alam siber.

Program **CyberSAFE in Schools** yang dilancarkan ini adalah satu program kerjasama di antara MOSTI dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang mensasarkan murid sekolah serta golongan remaja, di mana program kesedaran dan pendidikan nilai serta etika keselamatan siber diterapkan di kalangan murid sekolah samada sekolah rendah mahupun sekolah menengah di seluruh Malaysia.

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin, "Murid sekolah merupakan sasaran penting bagi program ini dilaksanakan kerana ianya mampu memupuk tatalaku penggunaan Internet secara positif. Dengan wujudnya kesedaran mengenai keselamatan siber ini, maka kita dapat melahirkan generasi yang berhemah yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan Negara".

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



MS ISO/IEC 17025
TESTING SAMM NO. 456

T +603 8946 0999
F +603 8946 0888

Corporate Office:
Level 8, Block A
Mines Waterfront Business Park
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

Sementara itu, projek perintis **CyberSAFE in Schools** telah pun dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran di beberapa buah sekolah di seluruh Negara untuk melihat penerimaan para pelajar terhadap keselamatan siber.

“Sehingga kini, sebanyak 22 buah sekolah telah pun terlibat dalam program ini dan telah berjaya menjangkau ke lebih 7,000 pelajar sekolah di seluruh negara melalui pelbagai aktiviti **CyberSAFE in Schools**, kata Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut Datuk Seri Dr Maximus lagi, penggunaan Internet yang berleluasa tanpa had serta pengaruh dari penggunaan Internet dapat mendorong para murid dan remaja untuk melakukan perbuatan negatif. “Justeru, bagi memupuk kesedaran keselamatan Internet, pendidikan penggunaan internet secara positif dengan lebih teratur dan sistematik harus bermula di peringkat akar umbi iaitu di peringkat sekolah.” kata beliau lagi.

Manakala program Innovation@School yang dijalankan, adalah merupakan gabungan program-program inovasi yang berasaskan ICT di peringkat sekolah. Program ini yang merupakan usahasama antara MOSTI dan Kementerian Pelajaran Malaysia yang mensasarkan para guru, murid, ibu bapa dan komuniti. Program ini terdiri daripada program Jerayawara Pembestarian Sekolah yang dilaksanakan oleh Multimedia Development Corporation, program Cybersafe in School yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia dan program MyIdeas@School yang dilaksanakan oleh Yayasan Inovasi Malaysia.

Tan Sri Muhyiddin menyambut baik usaha murni yang diterajui oleh MOSTI melalui agensinya CyberSecurity Malaysia dan menyarankan agar kerjasama di antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pelajaran diteruskan untuk membina modul keselamatan siber yang sistematik bagi membangunkan tatacara penggunaan Internet dengan lebih komprehensif. Seterusnya, Beliau juga turut menyokong usaha Kementerian Pelajaran melalui program Pembestarian dalam mengoptimumkan penggunaan ICT dalam pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah serta melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif.

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: [www.facebook.com](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia) (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my /

Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my